

**MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI MATLAMAT
ATLET BOLA BALING MSSK DAERAH PADANG TERAP
PENDANG, KEDAH DARUL AMAN**

ABD. RAHMAN BIN ZAKARIA

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)**

FAKULTI SAINS SUKAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

ABSTRAK
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI MATLAMAT ATLET BOLA BALING MSSK DAERAH PADANG TERAP PENDANG

Oleh: Abd. Rahman Bin Zakaria
Oktober 2005

Kajian ini bertujuan meneroka motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang. Seramai 250 responden dipilih secara rawak mewakili empat kategori atlet melengkapkan “Participation Motivation Questionnaire” (PMQ) dan “Task and Ego Orientation in Sports Questionnaire” (TEOSQ). Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif, perbandingan min dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan “perkembangan kemahiran” adalah motif utama atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang. Dapatan kajian juga mendapati atlet lebih berorientasikan tugas berbanding orientasi ego. Analisis Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi tugas dengan orientasi ego tetapi tidak signifikan antara atlet lelaki dan perempuan. ANOVA sehala membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi keempat-empat kategori atlet. Analisis korelasi Pearson secara keseluruhan, menunjukkan hubungan yang sederhana dan positif antara motif “perkembangan kemahiran” dengan orientasi tugas serta “pencapaian status” dengan orientasi ego. Bagi pembolehubah jantina dan kategori, hubungannya adalah bercampur-campur. Kepelbagaian motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang memberi maklumat berguna bagi memahami aspirasi atlet muda demi kecemerlangan sukan negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi





pustaka.upsi.edu.my

**ABSTRACT**Perpustakaan TuanKu Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun




ptbupsi

MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI MATLAMAT ATLET BOLA BALING MSSK DAERAH PADANG TERAP PENDANG

By: Abd. Rahman Bin Zakaria
October 2005

The purpose of this study is to explore the motive of handball athletes participating in sports and the their goal orientation in the MSSK Daerah Padang Terap Pendang. 250 respondents were chosen randomly to represent four categories in completing “Participation Motivation Questionnaire” (PMQ) and “Task and Ego Orientation in Sports Questionnaire” (TEOSQ). The data was analyzed using descriptive statistic,



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan TuanKu Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun



ptbupsi

mean comparison and correlation. The result showed that “skills development” is the main motive of participation among handball athletes of the MSSK Daerah Padang

Terap Pendang. The athletes has a higher tendency towards task orientated goals rather than ego orientated goals. T-test score analysis showed significant differences between task orientated and ego orientated goals but showed no significant differences between boys and girls. One-way ANOVA found there was no significant differences for the four categories. Pearson’ correlation showed that, there was significant relation between participation motive and goal orientation. It also indicated that there is medium and positive relationship between “skills development” motive and task orientated goal and also between “status recognition” motive and ego orientated goal.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan TuanKu Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun




ptbupsi

The relation had mixed gender and category variables. The variation of participation motives and goal orientation of the handball athletes gave useful information towards

the understanding of the young athletes’ aspiration for the excellence of the national sports.

KANDUNGAN



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.	1
1.2 Latar Belakang Kajian.	5
1.3 Penyataan Masalah.	10
1.4 Kepentingan Kajian.	14
1.5 Objektif Kajian.	15
1.6 Persoalan Kajian.	16
1.7 Batasan Kajian.	17
1.8 Definisi Operasional.	18



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan.	21
2.2 Motivasi.	22
2.3 Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik.	23
2.4 Teori Motivasi.	
2.4.1 Motivasi Pencapaian.	25
2.4.2 Motivasi Keyakinan Diri.	26
2.5 Motif Penglibatan.	28
2.6 Orientasi Matlamat.	30
2.7 Kajian Berkaitan.	
2.7.1 Motif Penglibatan Dalam Sukan.	31
2.7.2 Corak Orientasi Matlamat Atlet.	36
2.8 Penutup.	40

BAB 3 : METODOLOGI

3.1 Pengenalan.	42
3.2 Reka Bentuk Kajian.	42
3.3 Tempat Kajian.	44
3.4 Sampel Kajian.	44
3.5 Instrumen Kajian.	47
3.6 Prosedur Kajian.	49
3.7 Kajian Rintis.	50
3.8 Analisis Data.	50

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan.	52
4.2	Analisis Motif Penglibatan Atlet.	53
4.2.1	Motif Penglibatan Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang.	53
4.2.2	Perbezaan Motif Penglibatan Di antara Atlet Lelaki Dan Perempuan.	55
4.2.3	Perbezaan Motif Penglibatan Atlet Mengikut Kategori.	56
4.3	Analisis Corak Orientasi Matlamat.	59
4.3.1	Corak Orientasi Matlamat Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang.	59
4.3.2	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat Di antara Atlet Lelaki Dan Perempuan.	60
4.3.3	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat Mengikut Kategori.	62
4.4	Korelasi Motif Penglibatan Dengan Corak Orientasi Matlamat.	65
4.4.1	Korelasi Motif Penglibatan Dengan Corak Orientasi Matlamat Keseluruhan Atlet.	66
4.4.2	Korelasi Motif Penglibatan Dengan Corak Orientasi Matlamat Atlet Lelaki Dan Perempuan.	67
4.4.3	Korelasi Motif Penglibatan Dengan Corak Orientasi Matlamat Atlet Mengikut Kategori.	71

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan.	79
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian.	
5.2.1	Motif Penglibatan.	80
5.2.2	Corak Orientasi Matlamat.	81
5.2.3	Korelasi Motif Penglibatan Dengan Corak Orientasi Matlamat.	81
5.3	Perbincangan.	83
5.4	Rumusan.	91
5.5	Cadangan.	93

RUJUKAN 96

LAMPIRAN

A	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran.	
B	Contoh Soal Selidik Motif Penglibatan (PMQ).	
C	Contoh Soal Selidik Orientasi Matlamat (TEOSQ).	

SENARAI JADUAL

3.1	Frekuensi Tahun Pengalaman Sampel.	45
3.2	Frekuensi Peringkat Penglibatan Sampel.	46
4.1	Min Dan Sisihan Piawai Motif Penglibatan Atlet.	54
4.2	Perbezaan Motif Penglibatan Antara Atlet Bola Baling Lelaki Dan Perempuan MSSH Daerah Padang Terap Pendang Mengikut Urutan Keutamaan.	55
4.3	Perbezaan Motif Penglibatan Atlet Bola Baling MSSH Daerah Padang Terap Pendang Kategori Lelaki Mengikut Urutan Keutamaan.	57
4.4	Perbezaan Motif Penglibatan Atlet Bola Baling MSSH Daerah Padang Terap Pendang Kategori Perempuan Mengikut Urutan Keutamaan.	58
4.5	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat Atlet Bola Baling Lelaki Dan Perempuan MSSH Daerah Padang Terap Pendang (Ujian-t).	60
4.6	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat Tugas Antara Atlet Bola Baling Lelaki Dan Perempuan MSSH Daerah Padang Terap Pendang (Ujian-t).	61
4.7	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat Ego Antara Atlet Bola Baling Lelaki Dan Perempuan MSSH Daerah Padang Terap Pendang (Ujian-t).	61
4.8	Analisis Ujian-F (ANOVA) Bagi Min Corak Orientasi Matlamat Tugas Berdasarkan Kategori.	62
4.9	Perbandingan Post Hoc (Tukey) Bagi Min Corak Orientasi Matlamat Tugas Berdasarkan Kategori.	63
4.10	Analisis Ujian-F (ANOVA) Bagi Min Corak Orientasi Matlamat Ego Berdasarkan Kategori.	64
4.11	Perbandingan Post Hoc (Tukey) Bagi Min Corak Orientasi Matlamat Ego Berdasarkan Kategori.	64

4.12	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Corak Matlamat Keseluruhan Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang.	66
4.13	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Corak Matlamat Atlet Bola Baling Lelaki MSSK Daerah Padang Terap Pendang.	68
4.14	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Corak Matlamat Atlet Bola Baling Perempuan MSSK Daerah Padang Terap Pendang.	69
4.15	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Tugas Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang Kategori Lelaki Bawah 12 Dan Bawah 20 Tahun.	71
4.16	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Ego Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang Kategori Lelaki Bawah 12 Dan Bawah 20 Tahun.	73
4.17	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Tugas Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang Kategori Perempuan Bawah 12 Dan Bawah 20 Tahun.	75
4.18	Analisis Korelasi Motif Penglibatan Dengan Orientasi Ego Atlet Bola Baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang Kategori Perempuan Bawah 12 Dan Bawah 20 Tahun.	76

Rajah

Muka Surat

Rajah 3.1: Kerangka konseptual.	43
Rajah 3.2: Pengalaman Penglibatan Sampel.	46
Rajah 3.3: Peringkat Penglibatan Sampel.	47

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sukan adalah bidang yang sangat digemari oleh segenap lapisan masyarakat. Minat terhadap sukan melewati batasan umur, jantina, kaum dan status sosial. Masyarakat menunjukkan minat terhadap sukan dalam pelbagai cara. Ada yang terlibat secara langsung menjadi pemain, jurulatih, pegawai dan pentadbir sukan. Ada pula yang berminat menjadi penonton dan penyokong setia pasukan. Dan tidak kurang juga yang mengikuti perkembangan sukan melalui media massa. Minat dan kecenderungan secara tidak langsung mempengaruhi harapan masyarakat terhadap mutu sukan negara. Mereka meletakkan harapan yang tinggi dan mahukan sukan negara maju setanding negara lain.

 Masyarakat mengukur mutu sukan negara berdasarkan kejayaan seseorang atlet

atau pasukan kebangsaan dalam pertandingan yang disertai. Atlet atau pasukan dikatakan berjaya apabila menduduki tempat terbaik dan dapat memenangi pingat dalam sesuatu pertandingan. Atlet atau pasukan yang berjaya akan disanjung dan

mendapat ramai penyokong. Contoh yang sangat jelas ialah dalam sukan bola sepak; Liga Malaysia adalah berstatus profesional dan paling berprestij dalam pertandingan bola sepak di negara ini. Penonton akan membanjiri stadium memberi sokongan kepada pasukan pilihan mereka sekiranya berjaya mengekalkan kedudukan teratas liga. Sebaliknya stadium akan lengang apabila pasukan tuan rumah yang berkedudukan corot bermain. Situasi sedemikian adalah fenomena yang lumrah sekarang ini.

Pencapaian atlet dan pasukan kebangsaan sering menjadi isu perbincangan. Berdasarkan pencapaian atlet dan pasukan kebangsaan dalam pertandingan peringkat antara bangsa, mutu sukan negara jelas merosot. Banyak pasukan kebangsaan yang suatu ketika dahulu kuat tetapi kini tidak dapat memberi saingan mantap. Misalnya, pasukan sepak takraw tidak dapat memberi saingan kepada pasukan negara Thailand. Permainan-permainan lain misalnya hoki, bola sepak dan badminton mengalami nasib yang sama. Di Malaysia, kita bercakap tentang “jaguh kampung”. Ramai percaya “jaguh kampung” hanya berjaya di dalam negara tetapi gagal di arena antara bangsa. “Jaguh kampung” bolehlah diinterpretasikan sebagai atlet yang merasa gembira apabila menjadi jaguh kebangsaan tetapi tidak mahu berusaha meningkatkan pencapaian ke peringkat antara bangsa. Samalah seperti menggerakkan atlet bermotivasi rendah meningkatkan prestasi ke tahap yang lebih tinggi (Zaiton Othman, 1994).

Isu kemerosotan sukan negara telah mendapat perhatian dari pimpinan tertinggi negara. Beberapa siri mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan yang dipengerusikan oleh Datuk Sri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia diadakan untuk mengenal pasti masalah dan mencari penyelesaiannya. Jawatankuasa Kabinet yang bermesyuarat pada 8 November 2004 telah mengenal pasti

sukan teras berprestasi tinggi yang akan diberi perhatian dan penumpuan khusus untuk mengembalikan kecemerlangan sukan negara. Permainan yang dikategorikan sebagai sukan teras berprestasi tinggi ialah badminton, tenpin bowling, skuasy, gimnastik, hoki, olahraga, renang dan bola sepak. Ekoran daripada ketetapan tersebut, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengeluarkan kenyataan akhbar untuk menubuhkan Kelab Sukan Komuniti (KSK) di seluruh negara bagi memperluaskan pencarian bakat baru untuk mengisi kekosongan atlet dalam lapangan bidang sukan teras berprestasi tinggi (Bernama, 23 November 2004).

KBS juga menghantar delegasi ke negara Cuba yang disertai oleh menteri, pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin persatuan sukan bagi meninjau pengalaman negara tersebut melahirkan atlet hingga ke peringkat Olimpik. Hasil lawatan ke Cuba mendapati bahawa penyediaan atlet kebangsaan negara tersebut bermula pada peringkat kanak-kanak lagi. Berbeza dengan keadaan di Malaysia apabila anak-anak kita hanya mula aktif bersukan pada usia dua belas tahun berbandingkan kanak-kanak di Cuba telah dituntut untuk bersukan dalam usia muda enam tahun ketika mereka memulakan alam persekolahan (Datuk Azalina Othman Said, 2005). Laporan itu juga menyebutkan bahawa Cuba mempunyai lima belas buah sekolah sukan yang sudah beroperasi dan dua buah lagi masih dalam pembinaan. Terdapat seramai 22,000 orang pelajar yang terlibat dalam sukan dan 15,000 daripada pelajar tersebut baru memulakan pengajian. Delegasi Malaysia juga diberitahu bahawa 90 peratus atlet Cuba yang menyertai kejohanan Pan American ke 14 di Santo Domingo pada bulan Ogos 2005 adalah datang dari sekolah-sekolah sukan tersebut.

Pengalaman pertandingan dalam sukan berpasukan dan individu peringkat sekolah sangat berguna kepada atlet untuk masa hadapan. Justeru itu penyediaan atlet kebangsaan sepatutnya bermula sejak di bangku sekolah rendah lagi. Kanak-kanak


yang sedang membesar mudah dimotivasikan pada peringkat awal untuk melahirkan atlet remaja berbakat bagi sebarang jenis sukan dan akan memberikan kelebihan semasa bertanding setelah dewasa nanti (Zaiton Othman, 1994). Pencarian bakat adalah satu usaha yang baik bagi mengembalikan kecemerlangan sukan negara. Diharapkan pencarian bakat tersebut melewati segenap pelosok negara iaitu bandar, desa, tanah rancangan dan penempatan orang asli. Pencarian bakat juga tidak seharusnya tertumpu kepada remaja tetapi hendaklah dikenalpasti di kalangan murid-murid peringkat sekolah rendah. Atlet-atlet yang terpilih hendaklah ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai kelengkapan sukan mencukupi. Sekolah-sekolah pusat sukan daerah dan negeri yang telah sedia wujud boleh digunakan, cuma konsep, misi dan visinya perlu diubah. Sekolah-sekolah pusat sukan daerah dan negeri tersebut ada yang masih berstatus menumpang serta beroperasi seperti sekolah harian biasa. Kita maklumi bahawa hala tuju sekolah harian biasa sangat mementingkan kecemerlangan akademik. Oleh itu sekolah-sekolah pusat sukan daerah dan negeri perlu di ubah halatujuanya supaya bermatlamatkan kecemerlangan sukan.

Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan juga telah memutuskan pemberian skim pencen kepada atlet yang berjaya memenangi pingat dalam sukan Olimpik. Skim pencen ini diharap dapat menarik minat golongan remaja menceburi bidang sukan kerana mempunyai jaminan masa hadapan. Jawatankuasa Kabinet juga bersetuju menubuhkan “Malaysian Sport Sceince Acadamic” (MSSA) bagi menyemai pengetahuan sains sukan kepada atlet dan masyarakat. Semua inisiatif yang dilaksanakan diharap dapat membudayakan sukan negara.

Mewujudkan budaya sukan sangat penting bagi meningkatkan mutu sukan negara. Kecemerlangan sukan akan terlaksana apabila atlet berpotensi mendapat sokongan prasarana yang lengkap, jurulatih berpengetahuan dan berpengalaman,

kebijakan terpelihara, dorongan ibu bapa dan masyarakat. Tanpa mengambil kira aspek-aspek tersebut bakat muda yang dikenalpasti itu akan terbantut. Sudah pasti mutu sukan negara tidak dapat ditingkatkan. Keadaan tambah memudaratkan sekiranya masalah yang timbul dibiarkan berlarutan. Masalah tersebut boleh menghakis motivasi atlet. Kesan yang mungkin berlaku, ada di kalangan atlet menarik diri dari terus menceburi sukan. Cox (1991) menegaskan, dalam sukan atlet kadangkala mempamerkan prestasi yang baik dan buruk. Sekiranya prestasi yang buruk berulang dalam jangka masa lama, dorongan untuk meneruskan sukan tersebut terhakis dan menyebabkan atlet menarik diri.

1.2 Latar Belakang Kajian



Penglibatan sukan pada peringkat kanak-kanak dan remaja mempunyai perkaitan secara langsung dengan alam persekolahan. Dalam konteks pendidikan, sukan sangat penting kepada kanak-kanak dan remaja kerana dapat membantu pertumbuhan fizikal, mental, emosi dan sosial. Bersukan dapat memenuhi keperluan pertumbuhan kanak-kanak dan remaja yang merupakan faktor penting dalam psikologi perkembangan. Penglibatan dalam sukan adalah satu aspek motivasi dan merupakan cabang kepada psikologi perkembangan (Bergin dan Habusta, 2004).

Menyedari bahawa sukan sangat penting bagi pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak dan remaja, maka sukan dijadikan satu daripada komponen kokurikulum dalam sistem persekolahan di Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran telah memberi penekanan kepada penglibatan murid dalam kokurikulum.



Bagi memenuhi tuntutan pekeliling tersebut, pihak pengurusan pendidikan yang terlibat secara langsung dalam bidang sukan seperti Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri (MSSN), Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD) dan pengurusan sukan sekolah memainkan peranan masing-masing melaksanakan aktiviti sukan mengikut takwim yang telah ditetapkan. Aktiviti-aktiviti tersebut memberi peluang penglibatan murid untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

Antara objektif pelaksanaan sukan di sekolah ialah:

- i. Melahirkan murid yang cergas, berdisiplin serta sihat dari segi mental dan fizikal.
- ii. Memupuk semangat kerjasama, toleransi, dapat berinteraksi di kalangan murid-murid dan menghayati semangat kesukanan.
- iii. Melahirkan atlet sukan tertentu dan memberi peluang kepada mereka meningkat ke tahap yang lebih tinggi.
- iv. Mewujudkan satu pasukan yang berkualiti.
- v. Menyediakan satu pasukan yang berpotensi dan bakal menjadi pelapis di peringkat daerah, negeri dan negara.
- vi. Bermain untuk memenuhi masa lapang dengan lebih berfaedah dan memenuhi kehendak riadah.

Bagi merealisasikan objektif di atas, pihak pengurusan sukan sekolah memberi peluang kepada semua murid melibatkan diri. Aktiviti sukan peringkat sekolah disusun dan dilaksanakan mengikut takwim yang ditetapkan. Aktiviti-aktiviti seperti kejohanan olahraga, merentas desa dan sukan antara menjadi acara rasmi tahunan sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut mempunyai unsur-unsur persaingan yang sihat. Pihak sekolah memberi pengiktirafan kepada mereka yang berjaya. Walau bagaimanapun bentuk

pengiktirafan adalah berbeza. Kejohanan olahraga tahunan sekolah dan acara merentas desa menyediakan ganjaran berbentuk medal, tropi dan sijil kepada pemenang. Pemenang juga akan dipilih bagi mewakili sekolah ke pertandingan peringkat daerah. Berbeza dengan sukan, ganjaran diberi berdasarkan pencapaian individu melepasi masa atau jarak kelayakan. Ganjarannya adalah berbentuk pungutan markah bagi membantu rumah sukan masing-masing.

Bagi permainan seperti bola sepak, bola jaring, hoki, bola tampar, bola baling, ragbi, sepak takraw dan sebagainya penglibatan murid agak tidak menyeluruh. Pertandingan di antara rumah sukan jarang diadakan. Pembentukan pasukan sekolah dibuat melalui pemilihan yang dikendalikan oleh guru sukan atau jurulatih. Murid yang berpotensi akan dipilih menyertai pasukan sekolah. Oleh itu, menjadi kebanggaan murid apabila terpilih menganggotai pasukan sekolah bagi sesuatu permainan. Lebih-lebih lagi apabila berada dalam pasukan yang dianggap kuat dan disegani bagi daerah tersebut.

Pertandingan peringkat daerah dijalankan mengikut takwim yang ditetapkan oleh pengurusan sukan daerah masing-masing. Hampir semua jenis sukan dipertandingkan. MSSD memberi tanggungjawab kepada sekolah-sekolah tertentu menganjurkan pertandingan permainan. Pertandingan peringkat daerah berlangsung pada penggal pertama persekolahan. Pada ketika ini kemeriahan pertandingan pelbagai permainan dapat disaksikan di sekolah-sekolah pengelola. Penyertaan pertandingan biasanya menyeluruh bagi semua permainan yang dipertandingkan tetapi persediaan pasukan bergantung kepada kemampuan kewangan sekolah dan minat serta inisiatif guru yang dipertanggungjawabkan sebagai jurulatih. Biasanya permainan popular sekolah dan masyarakat setempat diberi keutamaan. Walau bagaimanapun bola sepak, bola jaring dan olahraga sering dianggap sebagai satu kemestian untuk disertai.

Penyediaan pasukan sekolah bagi permainan pilihan dibuat dengan lebih serius supaya dapat memberi saingan yang lebih kuat. Tumpuan yang lebih dari segi masa, tenaga dan peruntukan kewangan diberi kepada permainan pilihan. Justeru itu, penyertaan pertandingan bagi permainan bukan pilihan sekadar untuk mengambil bahagian sahaja. Ada juga pasukan yang menarik diri kerana tidak mahu menjadi pasukan belasan.

Pertandingan peringkat daerah lebih mencabar dan menyemai unsur persaingan yang lebih tinggi tahapnya berbanding pertandingan peringkat sekolah. Atlet memikul cabaran untuk menjaga nama baik dan maruah sekolah. Setiap pasukan bersaing bagi mencapai kemenangan. Kemenangan akan menjanjikan ganjaran seperti hadiah, sijil dan peluang mewakili pasukan daerah ke pertandingan peringkat negeri. Kaedah pemilihan pasukan daerah berdasarkan pasukan sekolah yang menang secara automatik ke pertandingan peringkat negeri menambahkan lagi kesengitan persaingan. Ada sekolah-sekolah menjadi musuh tradisi dalam permainan tertentu. Oleh itu, sekolah akan menjaga kebajikan atlet supaya tidak bertukar ke sekolah lain. Misalnya, menawarkan tempat tinggal di asrama, biasiswa dan memberi hadiah pada hari anugerah cemerlang.

Berdasarkan perbincangan di atas, walaupun kecemerlangan akademik adalah fokus utama sekolah-sekolah di Malaysia tetapi secara realitinya sukan mewarnai sebahagian kehidupan di alam persekolahan. Murid mendapat pengalaman memperkembangkan potensi diri dalam aspek fizikal, mental, emosi dan sosial. Peluang diberikan kepada semua murid tanpa mengira jantina, kaum dan lokasi sekolah. Terpulang kepada murid sama ada mahu atau tidak merebut peluang tersebut. Murid berbakat dapat meneruskan penglibatan ke peringkat yang lebih tinggi, misalnya mewakili daerah, negeri dan seterusnya negara dalam sukan yang diceburi. Bagi mereka yang kurang menyerlah pula, boleh meneruskan penglibatan sukan


sebagai amalan gaya hidup sihat. Di samping mendapat faedah kepada kesihatan fizikal, latihan juga berkesan untuk meningkatkan kesihatan mental dan kualiti hidup (Matsumoto & Takenaka, 2004).

Apa yang menjadi persoalan kepada pengurusan sukan sekolah sekarang ialah penglibatan murid dalam sukan tidak mencapai sasaran. Kehadiran murid semasa sesi latihan kerana diwajibkan. Latihan yang diadakan di luar jadual yang ditetapkan kurang mendapat sambutan. Didapati juga hanya segelintir murid terlibat secara serius dalam sukan. Acap kali berlaku murid yang sama terlibat dalam pelbagai jenis sukan. Berlaku juga fenomena atlet sekolah rendah yang berpotensi tidak meneruskan penglibatan apabila memasuki sekolah menengah. Menurut Cox (2002) motif utama seseorang remaja melibatkan diri dalam aktiviti sukan adalah kerana keseronokan yang dikecapi dan sekiranya keseronokan itu hilang maka mereka akan berhenti menyertainya. Semua persoalan tersebut perlu dikenalpasti melalui kajian yang mendalam supaya dapat menarik minat dan kecenderungan murid melibatkan diri dalam sukan. Penglibatan murid yang ramai akan membantu usaha melahirkan atlet pelapis pasukan kebangsaan.

Terdapat banyak kajian yang telah dibuat untuk melihat secara lebih dekat tentang penglibatan atlet dalam sukan tertentu. Apa yang menjadi isu penting kepada penyelidik dan ahli psikologi sukan ialah mengapa individu melibatkan diri dalam sukan dan apakah matlamat sebenar penglibatan mereka. Secara umum, bolehlah dirumuskan bahawa penglibatan mereka dalam sukan adalah bertujuan untuk mendapat peluang mencari kawan baru, mendapat bentuk badan yang menarik dan kekal sihat serta salah satu cara untuk memenuhi perkembangan diri.

Persoalan yang sangat penting kepada pengkaji ialah untuk menyelidik motif seseorang atlet itu melibatkan diri dalam sukan yang diceburi dan apakah pendekatan

atau kaedah yang boleh dilakukan supaya atlet terus melibatkan diri dalam kegiatan sukan tersebut. Apakah jantina dan umur memainkan peranan menentukan motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet? Dan bagaimana motif penglibatan mempengaruhi corak orientasi matlamat serta boleh memberi kesan kepada penglibatan yang berkekalan. Sesuatu yang sangat bermanfaat kepada guru sukan dan jurulatih agar dapat mencari jawapan kepada persoalan di atas bagi mengolah motivasi intrinsik dan ekstrinsik untuk membantu meningkatkan persekitaran motivasi atlet supaya lebih memberangsangkan. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik mendatangkan kesan yang berbeza kepada atlet termasuk sama ada terus setia atau tidak kepada sukan yang mereka ceburi (Vealey, Hayashi, Garner-Holmen & Giacobbi, 1998). Secara tidak langsung boleh membantu meningkatkan kecemerlangan sukan negara.



1.3 Penyataan Masalah

Motivasi adalah elemen penting dalam bidang psikologi sukan yang wajar diberi keutamaan kerana dapat mempengaruhi penglibatan atlet. Motivasi merupakan penggerak yang menggalakkan atlet atau pasukan bertindak untuk mencapai sesuatu matlamat atau kejayaan yang lebih cemerlang. Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan seseorang ahli sukan sesebuah negara mahupun di peringkat antarabangsa merupakan hasil gabungan beberapa faktor seperti keupayaan genetik, peluang, kesempatan latihan yang intensif, insentif, ganjaran dan pengalaman (motivasi). Oleh itu, motivasi adalah salah satu elemen penting sebagai suntikan dalam pencapaian sukan (Mohd Sufian Omar Fauzee, 2002).



Bagi meningkatkan kejayaan ke arah yang lebih cemerlang, pihak kerajaan, swasta dan persatuan sukan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memotivasikan atlet. Program-program yang dilaksanakan itu lebih menjuruskan kepada dimensi motivasi ekstrinsik. Pemberian biasiswa, skim perangsang dan anugerah sukan merupakan beberapa bentuk ganjaran ekstrinsik yang boleh menjana penglibatan para atlet untuk mewakili sekolah, daerah, negeri dan negara. Kejayaan atlet merangkul pingat dalam sesuatu kejohanan akan diberi ganjaran melalui skim hadiah kemenangan sukan. Ganjaran yang diberikan itu berupa wang ringgit dan nilainya berdasarkan pingat dan taraf kejohanan. Ada juga ganjaran keterlaluan berbentuk harta benda seperti tanah, rumah, kenderaan dan keistimewaan-keistimewaan lain yang nilainya menjangkau jutaan ringgit.

Walaupun banyak program telah dilaksanakan, tetapi prestasi atlet berpengalaman dan penglibatan atlet muda sering menjadi persoalan. Atlet berpengalaman gagal mempamerkan kecemerlangan dalam persaingan tahap tinggi walaupun telah mendapat ganjaran lumayan sebelumnya. Manakala atlet muda pula tidak menunjukkan kemampuan bagi menggantikan tempat atlet berpengalaman apabila sampai masanya nanti. Mengapakah fenomena sedemikian terjadi? Adakah kerana motif penglibatan atlet atau corak orientasi matlamat penyertaan mereka?

Berdasarkan senario sukan negara, dapat dibuat andaian bahawa kemerosotan mutu sukan adalah kerana atlet rendah motivasi intrinsik. Motivasi intrinsik sangat penting kepada atlet kerana merupakan daya penggerak dalaman yang terbentuk dari keyakinan diri dan persepsi tentang kebolehan yang diperkenalkan oleh maklum balas positif yang dikaitkan dengan kejayaan menguasai sesuatu kemahiran (Woodcock dan Corbin, 1992 petikan Shahrudin, 2002). Amalan pemberian ganjaran yang berleluasa telah membudayakan motivasi ekstrinsik tetapi sebaliknya menghakis motivasi

intrinsik di kalangan atlet. Yang kita mahu adalah ganjaran dapat menjadi nilai tambah kepada motivasi intrinsik dan bukan sebaliknya. Banyak kajian telah mendapati atlet perlu motivasi intrinsik dan ekstrinsik untuk terlibat dan meneruskan penglibatan (Baker dan rakan, 1993; Ryan dan rakan, 1997; Hellandsig, 1998; Chantel dan rakan, 1996).

Motivasi ekstrinsik yang menebal di kalangan atlet akan mempengaruhi corak orientasi matlamat penglibatan mereka dalam sukan yang diceburi. Lazimnya, atlet bermotifkan ekstrinsik berkecenderungan berorientasikan matlamat ego. Secara tidak langsung matlamat tugas akan menjadi rendah. Seperti yang kita maklumi, atlet berorientasikan matlamat tugas akan memberi tumpuan kepada meningkatkan kemahiran. Mereka menjadi lebih fokus dalam latihan dan mempunyai sifat tekun, didikasi, berdisiplin dan rajin berusaha. Kualiti seperti ini yang perlu disematkan dalam diri atlet muda. Berbeza dengan atlet berorientasikan tugas, orientasi ego sering menunjukkan mereka boleh melakukan lebih baik dari orang lain. Mereka lebih agresif dan sanggup menipu untuk menang. Atlet berorientasikan matlamat tugas juga berkeinginan untuk menang tetapi caranya tidak sama seperti yang dilakukan oleh atlet berorientasikan ego (Duda & Whitehead, 1998).


Mengetahui motif penglibatan individu dalam sukan dan aktiviti fizikal dapat memberi gambaran mengapa seseorang itu untuk mengambil bahagian dalam sesuatu jenis sukan dan aktiviti fizikal (Morgantown, 2001). Ada yang beranggapan penglibatan atlet dalam sukan yang diceburi didorong oleh motivasi intrinsik misalnya keseronokan, meningkatkan kecergasan dan kemahiran. Ada juga berpendapat kerana motivasi ekstrinsik seperti ganjaran, pujian dan pengiktirafan. Walau apapun motif penglibatan atlet, mereka memerlukan galakan dan sokongan secara terancang bagi

mengekalakan penglibatan dalam sukan atau aktiviti fizikal yang diceburi (Ashford, Biddle, & Goudas, 1993).

Motif penglibatan atlet dalam sukan dan aktiviti fizikal dapat dikenal pasti melalui penyelidikan dalam bidang berkenaan. Banyak penyelidikan telah dibuat untuk melihat motif penglibatan dan orientasi matlamat atlet dalam sukan dan aktiviti fizikal. Persoalan utama yang dikemukakan oleh ramai penyelidik ialah mengapa seseorang itu melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan apakah harapan mereka bila melibatkan diri dalam sukan tersebut. Kita sedia maklum bahawa pengetahuan mengenai motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet dalam sukan akan membolehkan semua pihak yang terlibat secara langsung seperti guru sukan, jurulatih, pegawai dan pentadbir sukan merangka program bagi memberi ruang kepada atlet menimba pengalaman untuk pembangunan diri serta kecemerlangan sukan negara.

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet muda dalam sukan bola baling. Fokus utama penyelidikan ialah mengetahui motif penglibatan dan corak orientasi matlamat serta perkaitan antara motif penglibatan dengan corak orientasi matlamat tersebut. Adakah faktor jantina dan umur menentukan motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet dalam permainan bola baling. Oleh itu adalah penting untuk meneliti secara terperinci motif-motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet dalam aktiviti sukan tersebut. Keupayaan untuk mengenal pasti motif-motif penglibatan dan orientasi matlamat dapat memberi maklumat-maklumat penting mengenai kehendak dan latar belakang atlet. Maklumat tersebut sangat berguna kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang sukan. Program latihan dapat disusun secara sistematik dan aktiviti-aktiviti sokongan dilaksanakan dengan mengambil kira persekitaran motivasi yang memberangsangkan. Semua usaha tersebut akan dapat menarik minat dan seterusnya

mengekalkan penglibatan atlet dalam sukan. Ini akan dapat membantu membudayakan sukan di Malaysia bagi mencapai kecemerlangan.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

1.4 Kepentingan Kajian

Penyelidik berpendapat kajian ini penting untuk menyampaikan maklumat dan panduan seperti berikut:

- i. Sebagai panduan bahawa terdapat perbezaan motif penglibatan di kalangan atlet bola baling lelaki dan perempuan MSSK Daerah Padang Terap Pendang.
- ii. Sebagai panduan bahawa terdapat perbezaan motif penglibatan di kalangan atlet bola baling bagi kategori umur bawah 12 tahun dan 20 tahun.
- iii. Hasil dari penyelidikan ini boleh membantu pihak sekolah, MSSD, MSSK, MSSM, KBS dan persatuan sukan semua peringkat merancang program latihan sukan yang menarik dan dapat memenuhi motif penglibatan atlet.
- iv. Bahawa terdapat pelbagai motif dan orientasi matlamat dalam diri atlet yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam sukan. Oleh itu pihak-pihak berkenaan hendaklah menggunakan dapatan ini untuk mengenal pasti motif-motif dan corak orientasi matlamat supaya dapat membina satu kaedah dalam cara pelaksanaan yang lebih terancang.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- v. Sebagai panduan bahawa tidak ada jalan pintas untuk membentuk atlet cemerlang. Oleh itu jadikanlah motivasi sebagai satu proses yang

berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- vi. Sebagai panduan kepada pihak-pihak berkenaan agar tidak melaksanakan aktiviti atau program yang boleh menghakis dan mematikan motivasi atlet.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk ;

- Mengenal pasti motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang.
- Membandingkan motif penglibatan dan corak orientasi matlamat di antara atlet bola baling lelaki dan perempuan MSSK Daerah Padang Terap.
- Membandingkan motif penglibatan dan corak orientasi matlamat atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang di antara kategori bawah 12 tahun dengan bawah 20 tahun.
- Mengetahui perkaitan antara motif penglibatan dengan corak orientasi matlamat atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Secara khusus, persoalan berikut dikemukakan dalam kajian ini:

- a. Apakah motif penglibatan atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang?
- b. Apakah corak orientasi matlamat atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang?
- c. Adakah terdapat perbezaan motif penglibatan di kalangan atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang lelaki dan perempuan?
- d. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat di kalangan atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang lelaki dan perempuan?
- e. Adakah terdapat perbezaan motif penglibatan di antara atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang kategori Lelaki Bawah 12 Tahun berbanding dengan Lelaki Bawah 20 Tahun?
- f. Adakah terdapat perbezaan motif penglibatan di antara atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang kategori Perempuan Bawah 12 Tahun berbanding dengan Perempuan Bawah 20 Tahun?
- g. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat di antara atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang kategori Lelaki Bawah 12 Tahun berbanding dengan Lelaki Bawah 20 Tahun?
- h. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat di antara atlet bola baling MSSK Daerah Padang Terap Pendang kategori Perempuan Bawah 12 Tahun berbanding dengan Perempuan Bawah 20 Tahun?